



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department Of Higher Education
Kementerian Pengajian Tinggi
Ministry of Higher Education Malaysia
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA

JPT | **JABATAN
PENDIDIKAN
TINGGI**

Tel: 603-88706439
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>

Ruj. Kami: JPT(BEM)1000/016/046 Jld.19 (4)
Tarikh: 8 Disember 2020

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan,

PEMAKLUMAN PENANGGUHAN PELAKSANAAN CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DASAR DAN PENGURUSAN PELAJAR ANTARABANGSA KE INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan kepada perkara di atas dan surat edaran JPT(BEM)1000/016/046 JLD.17(14) bertarikh 4 September 2020 adalah berkaitan.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan sedia maklum, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah membuat pemakluman mengenai pelaksanaan beberapa cadangan dan inisiatif penambahbaikan dasar dan pengurusan pelajar antarabangsa di IPT Malaysia kepada semua Agensi yang terlibat dan Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) sebagaimana yang telah dipersetujui oleh Mesyuarat Majlis Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 8 November 2019.

3. Walau bagaimanapun, setelah mengambil kira kesesuaian pelaksanaan cadangan ini berdasarkan situasi semasa dan kebajikan pelajar antarabangsa ketika pandemik COVID-19 yang masih belum terkawal sepenuhnya, JPT telah mengadakan perbincangan bersama wakil Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen Malaysia dan EMGS untuk membuat kajian semula ke atas semua cadangan penambahbaikan yang telah diluluskan. Dalam hal ini, semua pihak telah bersetuju bahawa terdapat

keperluan untuk menangguhkan pelaksanaan sebahagian daripada cadangan tersebut sehingga kajian semula selesai dilaksanakan.

4. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan, berikut merupakan inisiatif yang akan **ditangguhkan pelaksanaan sehingga pemakluman baharu dibuat** iaitu:

4.1 Mempelbagaikan Bukti Kemampuan Sara Diri Pelajar Bagi Permohonan Pas Tanggungan;

4.2 Kebenaran Kepada Anak Atau Tanggungan Diplomat Menggunakan Pasport Diplomatik/ Pasport Rasmi Untuk Memohon Pas Pelajar;

4.3 Tempoh Pas Pelajar One-Off Adalah Mengikut Tempoh Pengajian Pelajar Tanpa Terikat Kepada Tempoh Maksimum 3 Tahun Sahaja; dan


4.4 Kebenaran Kepada Pegawai Kerajaan Luar Negara Yang Bertugas Di Malaysia Untuk Melanjutkan Pengajian Menggunakan Pasport Diplomatik/ Pasport Rasmi.

6. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato' / Prof./ Dr./ Tuan/ Puan berhubung perkara di atas amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK)

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi

Jabatan Pendidikan Tinggi

Kementerian Pengajian Tinggi

s.k.

Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
(Akademik Dan Pembangunan)
Jabatan Pendidikan Tinggi

Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
(Penyelidikan Dan Antarabangsa)
Jabatan Pendidikan Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar (BPPD)
Kementerian Pengajian Tinggi

Setiausaha Bahagian
Bahagian Hubungan Antarabangsa (BHA)
Kementerian Pengajian Tinggi

Pengarah
Bahagian Standard Swasta
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Governan IPTS
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Governan IPTA
Jabatan Pendidikan Tinggi

Pengarah
Bahagian Education Malaysia
Jabatan Pendidikan Tinggi

Senarai Edaran:

Ketua Setiausaha
Kementerian Luar Negeri

Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Ketua Pengarah
Jabatan Imigresen Malaysia

Setiausaha Bahagian
Bahagian Hal Ehwal Imigresen
Kementerian Dalam Negeri

Pengarah
Bahagian Visa, Pas dan Permit
Jabatan Imigresen Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services